



## JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my)  
E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (34)  
Tarikh : 14 Jun 2016

**Ketua Pengarang,  
Harian Metro**

Tuan,

### **MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "SINI SAJA SYURGA KAMI" BERTARIKH 11 JUN 2016, SABTU – M.S: 14 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Mohd Razali bin Mohd Suhaimi berkaitan masalah dokumen pengenalan diri beliau dan anaknya.

3. Ingin dimaklumkan, pada 13 Jun 2016 pihak JPN telah pun hadir ke kediaman Encik Mohd Razali bin Mohd Suhaimi yang terletak di Kok Lanas, Kelantan. Hasil semakan mendapati Encik Mohd Razali bin Mohd Suhaimi dan anaknya tidak pernah memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

4. Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan Encik Mohd Razali bin Suhaimi memohon dokumen pengenalan diri beliau perlu mengemukakan bukti – bukti berdokumen berkaitan kelahiran beliau agar pihak JPN dapat meneliti kelayakan memiliki dokumen kelahiran Malaysia.

5. Ingin dijelaskan, Encik Mohd Razali bin Mohd Suhaimi boleh memohon pendaftaran lewat kelahiran bagi anaknya setelah menyelesaikan urusan beliau dengan pihak hospital.

Sekian, terima kasih.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menghurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.: 1. YBr. Tuan KPPN

RAKYAT DI HATI JPN

